

nu'aim (dulu suka naik ke atas)

بَابُ فَضْلِ الْوُضُوءِ وَالْفَرْغِ الْمُحْجَلُونَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ

3- Bab: Kelebihan Wudhu' Dan Orang-orang Yang Berseri-Seri Wajah Serta Anggota-Anggotanya Kerana Kesan-Kesan Wudhu'

١٣٣ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ خَالِدٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي هِلَالٍ عَنْ نُعَيْمِ الْمُجْمِرِ قَالَ رَقِيتُ مَعَ أَبِي هُرَيْرَةَ عَلَى ظَهْرِ الْمَسْجِدِ فَتَوَضَّأَ فَقَالَ إِنِّي سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أُمَّتِي يُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ

133 - Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami, daripada Khalid daripada Sa'id bin Abi Hilal daripada Nu'aim Al-Mujmir, katanya: "Saya naik ke atas bumbung masjid bersama Abu Hurairah, dia pun berwudhu' lalu berkata: "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya umatku akan dipanggil pada hari Kiamat nanti dalam keadaan berseri-seri wajah dan anggota-anggotanya kerana kesan-kesan wudhu'. Maka sesiapa di antara kamu hendak memanjangkan serinya itu, bolehlah dia melakukannya⁷."

بَابُ مَنْ لَا يَتَوَضَّأُ مِنَ الشَّكِّ حَتَّى يَسْتَيْقِنَ

4 - Bab: Orang Yang Tidak Berwudhu' Kerana Syak Sehingga Dia Yakin.

١٣٤ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حَفْصَةَ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ ح وَعَنْ عَبَادِ بْنِ تَمِيمٍ عَنْ عَمِّهِ أَنَّهُ شَكََا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلُ الَّذِي يُخَيَّلُ

⁷ Dengan membasuh tangan hingga ke ketiak serta bahu dan membasuh kaki hingga ke lutut. Hadits ini juga menyatakan harus naik ke atas bumbung masjid untuk sesuatu keperluan dengan syarat tidak menjejaskan masjid atau mengganggu orang-orang yang berada di dalam masjid.

إِلَيْهِ أَنَّهُ يَجِدُ الشَّيْءَ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ لَا يَنْفَتِلْ أَوْ لَا يَنْصَرِفْ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا

134 - `Ali meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: Az-Zuhri meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin Al-Musayyab, (ح) dan daripada `Abbaad bin Tamim daripada bapa saudaranya, bahawa dia mengadukan kepada Rasulullah s.a.w tentang seseorang yang terasa bahawa dia (semacam) mengalami sesuatu (telah terkentut) di dalam sembahyangnya. Nabi s.a.w bersada: "Janganlah dia berhenti atau pergi (meninggalkan sembahyangnya itu) selagi dia tidak mendengar bunyi atau mendapat bau (kentutnya)⁸."

24/1/07

بَابُ التَّخْفِيفِ فِي الْوُضُوءِ

5- Bab: Meringankan Wudhu'

١٣٥ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَمْرِو قَالَ أَخْبَرَنِي كُرَيْبٌ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَامَ حَتَّى نَفَخَ ثُمَّ صَلَّى وَرُبَّمَا قَالَ اضْطَجَعَ حَتَّى نَفَخَ ثُمَّ قَامَ فَصَلَّى ثُمَّ حَدَّثَنَا بِهِ سُفْيَانُ مَرَّةً بَعْدَ مَرَّةٍ عَنْ عَمْرِو عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ بِتُّ عِنْدَ خَالَتِي مَيْمُونَةَ لَيْلَةً فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ اللَّيْلِ فَلَمَّا كَانَ فِي بَعْضِ اللَّيْلِ قَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَوَضَّأَ مِنْ شَنْ مُعَلَّقٍ وَضُوءًا خَفِيفًا يُخَفِّفُهُ عَمْرُو وَيُقَلِّلُهُ وَقَامَ يُصَلِّي فَتَوَضَّأْتُ نَحْوًا مِمَّا تَوَضَّأَ ثُمَّ جِئْتُ فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ وَرُبَّمَا قَالَ سُفْيَانُ عَنْ شِمَالِهِ فَحَوَّلَنِي فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ ثُمَّ صَلَّى مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ اضْطَجَعَ فَنَامَ حَتَّى نَفَخَ ثُمَّ أَتَاهُ الْمُتَأَدِّي فَأَذَنَهُ بِالصَّلَاةِ فَقَامَ مَعَهُ إِلَى الصَّلَاةِ فَصَلَّى وَلَمْ يَتَوَضَّأْ فَلَمَّا لَعَمْرُو إِنَّ نَاسًا

⁸ Apa yang dimaksudkan oleh hadits ini ialah selagi seseorang itu tidak yakin dengan sesuatu yang membatalkan wudhu'nya telah berlaku. Imam Nawawi dan lain-lain 'ulama' mengatakan: "Hadits ini merupakan asas bagi qaedah feqah yang terkenal berbunyi: لا يزال بالشك Bermaksud: "Apa yang diyakini itu tidak hilang dengan syak."

يَقُولُونَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَنَامُ عَيْنُهُ وَلَا يَنَامُ قَلْبُهُ قَالَ عَمْرُو سَمِعْتُ عُبَيْدَ
 بْنَ عُمَيْرٍ يَقُولُ رَأَى الْإِنْبِيَاءَ وَحْيٌ ثُمَّ قَرَأَ (إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ

135 - 'Ali bin 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada 'Amar, katanya: Kuraib telah memberitahu saya daripada Ibnu 'Abbaas bahawa Nabi s.a.w tidur sehingga berdengkur, kemudian Beliau s.a.w bersembahyang. kadang-kadang Ibnu 'Abbaas berkata: "Rasulullah s.a.w berbaring sehingga berdengkur kemudian Baginda bangun lalu bersembahyang."

Sufyan beberapa kali meriwayatkan kepada kami daripada 'Amar daripada Kuraib daripada Ibni 'Abbaas, katanya: "Pernah pada suatu malam, saya bermalam di rumah Mak Cik saya Maimunah. Nabi s.a.w bangun pada waktu malamnya. Baginda s.a.w berwudhu' dengan ringkas menggunakan air di dalam gereba usang yang tergantung. 'Amar menunjukkan peri ringkasnya wudhu' itu dan menyediktkannya⁹. Kemudian Baginda bangun bersembahyang. Saya pun berwudhu' lebih kurang seperti wudhu' Beliau. Seterusnya saya datang dan berdiri di sebelah kirinya. Baginda pun memusingkan saya dan meletakkan saya di sebelah kanannya. Kemudian baginda bersembahyang sebanyak mana yang dikehendaki Allah, lalu tidur sehingga berdengkur. Kemudian Mu'azzin datang untuk memberitahu kepadanya tentang ketibaan waktu Baginda s.a.w keluar bersembahyang. Nabi s.a.w pun bangun bersamanya untuk bersembahyang lalu bersembahyanglah Baginda tanpa wudhu'. Saya berkata kepada 'Amar: "Ada orang berkata bahawa Rasulullah s.a.w itu matanya tidur tetapi hatinya tidak¹⁰." 'Amar berkata: "Saya telah mendengar 'Ubaid bin 'Umair berkata: "Mimpi nabi-nabi itu adalah wahyu. Kemudian dia membaca (firman Allah ini): إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ Bermaksud: "Aku (Nabi Ibrahim a.s) bermimpi melihat aku menyembelih engkau (Nabi Isma'il a.s) ...¹¹."

⁹ Meringkaskan wudhu' bererti mengalirkan air di atas anggota wudhu' dengan tidak menggosoknya. Menyediktkannya pula bererti menggunakan sedikit air untuk mambasuh anggota wudhu' atau membasuh setiap anggota wudhu' yang perlu dibasuh sekali, sekali sahaja.

¹⁰ Khatthabi berkata: "Tujuannya ialah supaya Beliau sentiasa dalam keadaan bersedia menerima wahyu yang datang tak kira samada semasa jaga atau semasa tidur dan yang menerima wahyu itu ialah hatinya bukan matanya.

¹¹ Tujuan 'Ubaid membaca ayat ini ialah untuk membuktikan bahawa jika mimpi para nabi a.s itu bukan wahyu, niscaya tidaklah ada keharusan bagi Nabi Ibrahim untuk menyembelih anaknya Isma'il semata-mata kerana mimpi.

بَابُ إِسْبَاغِ الْوُضُوءِ وَقَالَ ابْنُ عُمَرَ إِسْبَاغُ الْوُضُوءِ الْإِتْقَانُ

6 – Bab: Menyempurnakan Wudhu'. Ibnu 'Umar Berkata: Menyempurnakan Wudhu' Itu ialah Menyucikan.

١٣٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ مُوسَى بْنِ عُقْبَةَ عَنْ كُرَيْبٍ مَوْلَى ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ أَنَّهُ سَمِعَهُ يَقُولُ دَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَرَفَةَ حَتَّى إِذَا كَانَ بِالشَّعْبِ نَزَلَ فَبَالَ ثُمَّ تَوَضَّأَ وَلَمْ يُسَبِّغِ الْوُضُوءَ فَقُلْتُ الصَّلَاةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ الصَّلَاةُ أَمَامَكَ فَرَكِبَ فَلَمَّا جَاءَ الْمُزْدَلِفَةَ نَزَلَ فَتَوَضَّأَ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ ثُمَّ أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَصَلَّى الْمَغْرِبَ ثُمَّ أَنَاخَ كُلُّ إِنْسَانٍ بَعِيرَهُ فِي مَنْزِلِهِ ثُمَّ أُقِيمَتِ الْعِشَاءُ فَصَلَّى وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا

136 - 'Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Musa bin 'Uqbah daripada Kuraib (hamba bebsan Ibnu 'Abbaas) daripada Usamah bin Zaid bahawa dia mendengar Usamah bin Zaid berkata: "Rasulullah s.a.w berangkat dari 'Arafah. Apabila sampai di Syi'b, Beliau berhenti. Setelah membuang air kecil Baginda berwudhu' tetapi dengan tidak menyempurnakan wudhu'nya¹². Saya berkata: "Sembahyang wahai Rasulallah". Beliau s.a.w menjawab: "Sembahyang nanti di hadapan." Rasulullah pun menaiki kenderaannya. Apabila sampai di Muzdalifah, barulah Beliau turun dan mengambil wudhu' dengan sempurna¹³ lalu diiqamatkan untuk sembahyang. Maka Nabi s.a.w bersembahyang maghrib. Kemudian tiap-tiap orang menghentikan untanya di tempat persinggahan masing-masing. Setelah itu diiqamatkan pula untuk bersembayang 'Isya'. Nabi s.a.w pun bersembahyang dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang di antara dua sembahyang fardhu tadi.

¹² Keadaan ini boleh jadi berlaku kerana Rasulullah mahu cepat dalam perjalanan itu atau Beliau hanya berwudhu' dengan ringkas sahaja atau boleh jadi juga perkataan wudhu' di sini dipakai dengan erti lughawi semata-mata iaitu membasuh muka, tangan atau lain-lain anggota hanya untuk persegaran sahaja.

¹³ Penyempurnaan wudhu' boleh berlaku dengan salah satu dari tiga cara, iaitu: i- Dengan meratakan air pada anggota-anggota wudhu' yang perlu dibasuh atau disapu sebanyak sekali, sekali sahaja dan ini adalah sesuatu yang difardhukan. ii- Dengan membasuh setiap anggota wudhu' yang diperintahkan supaya dibasuh sebanyak tiga-tiga kali. Ini adalah cara yang disunatkan. iii- Dengan melebihi sedikit membasuhan setiap anggota wudhu' daripada had yang disebutkan. Ini adalah cara yang mustahab (dianggap elok jika dilakukan).

بَابُ غَسْلِ الْوَجْهِ بِالْيَدَيْنِ مِنْ غُرْفَةٍ وَاحِدَةٍ

7- Bab: Membasuh Muka Dengan Dua Tangan Daripada Satu Cedokan¹⁴.

١٣٧ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو سَلَمَةَ الْخُزَاعِيُّ مَنصُورُ بْنُ سَلَمَةَ قَالَ أَخْبَرَنَا ابْنُ بِلَالٍ يَعْنِي سُلَيْمَانَ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ تَوَضَّأَ فَغَسَلَ وَجْهَهُ أَخَذَ غُرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَمَضْمَضَ بِهَا وَاسْتَنْشَقَ ثُمَّ أَخَذَ غُرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَجَعَلَ بِهَا هَكَذَا أَضَافَهَا إِلَى يَدِهِ الْآخَرَى فَغَسَلَ بِهِمَا وَجْهَهُ ثُمَّ أَخَذَ غُرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَغَسَلَ بِهَا يَدَهُ الْيُمْنَى ثُمَّ أَخَذَ غُرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَغَسَلَ بِهَا يَدَهُ الْيُسْرَى ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ ثُمَّ أَخَذَ غُرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَرَشَّ عَلَى رِجْلِهِ الْيُمْنَى حَتَّى غَسَلَهَا ثُمَّ أَخَذَ غُرْفَةً أُخْرَى فَغَسَلَ بِهَا رِجْلَهُ الْيُسْرَى ثُمَّ قَالَ هَكَذَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ

137 - Muhammad bin Abdur Rahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Salamah Al-Khuza'i Mansur bin Salamah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Bilal, maksudnya ialah Sulaiman, meriwayatkan kepada kami daripada Zaid bin Aslam daripada 'Atha' bin Yasar daripada Ibnu 'Abbaas bahawa beliau berwudhu' dengan membasuh mukanya. Diambilnya satu cedokan air lalu berkumur-kumur dengannya serta menghisap air ke dalam hidung. Kemudian beliau mengambil satu cedokan air. Dibuatnya begini, disokongnya dengan tangan yang satu lagi, lalu membasuh muka. Seterusnya beliau mengambil satu cedokan air dan terus membasuh dengannya tangan kanannya. Kemudian mengambil satu cedokan lagi air dan terus membasuh tangan kirinya. Setelah itu beliau menyapu kepala. Kemudian beliau mengambil pula satu cedokan air, lalu mencurahkan ke atas kaki kanannya untuk dibasuh (dengan sempurna). Seterusnya beliau mengambil satu cedokan lagi, lalu

¹⁴ Melalui bab ini Imam Bukhari mahu menjelaskan bahawa tidak perlu mencedok air untuk membasuh muka dengan kedua belah tangan malah cukuplah digunakan tangan kanan untuk mencedok air lalu menyambutnya dengan tangan kiri pula untuk membasuh muka dengan kedua-dua belah tangan itu. Adapun riwayat yang menyatakan Nabi s.a.w mencedok air dengan tangan kanan kemudian membasuh mukanya juga dengan sebelah tangan kanan sahaja, itu adalah riwayat yang tidak sahih.

membasuh kaki kirinya. Sesudah selesai semuanya itu, beliau pun berkata:
“Demikianlah saya melihat Rasulullah s.a.w berwudhu’.”

بَابُ التَّسْمِيَةِ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَعِنْدَ الْوَقَاعِ

8 – Bab: Tasmiyah (Mengucapkan Bismillah) Ketika Memulakan Segala Pekerjaan (Yang Baik) Dan Ketika Hendak Bersetubuh¹⁵

١٣٨ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ يُلْغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَتَى أَهْلَهُ قَالَ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا فَقُضِيَ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ لَمْ يَضُرَّهُ

138 - 'Ali bin 'Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir meriwayatkan kepada kami daripada Mansur daripada Salim bin Abi Al-Ja'd daripada Kuraib daripada Ibnu 'Abbaas. Beliau mengangkat hadith ini kepada Nabi s.a.w (mengaitkan hadits ini sebagai sabda Nabi s.a.w), Baginda bersabda: “Kalaupun seseorang daripada kamu ketika akan mendatangi isterinya membaca: بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا

(dengan nama Allah, jauhkan kami daripada syaitan dan jauhkan syaitan daripada apa yang engkau kurniakan kepada kami), niscaya syaitan tidak dapat memudharatkan anaknya jika ditaqdirkan mereka berdua mendapat anak¹⁶.”

¹⁵ Mengucapkan Bismillah sebelum berwudhu' adalah fardhu di sisi Ahlil Hadits. Melalui Hadits Al-Bab (hadits di dalam bab ini) Imam Bukhari mahu membuktikan bahawa jika sebelum bersetubuh pun dituntut supaya membaca Bismillah, maka lebih-lebih lagi dituntut membacanya sebelum seseorang itu berwudhu' kerana ia adalah 'ibadat khusus. Walaupun di sana terdapat hadits yang berbunyi: لَا وَضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ Bermaksud: “Tiada wudhu' bagi orang yang tidak menyebut nama Allah (bertasmiyah) sebelumnya”, tetapi Imam Bukhari tidak mengemukakannya di sini kerana ia tidak menepati syarat beliau.

¹⁶ Maksudnya ialah dengan berkat 'Tasmiyah' atau bacaan Bismillah anaknya tidak akan dapat dikuasai Iblis dan syaitan, malah ia termasuk di kalangan orang-orang yang tersebut di dalam firmanNya ini:

إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya hamba-hambaKu (yang beriman Dengan ikhlas), tiadalah Engkau (hai iblis) mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka (untuk menyesatkannya); cukuplah Tuhanmu (Wahai Muhammad) menjadi Pelindung (bagi mereka) [Al-Israa':65]. Boleh jadi juga ia bermaksud syaitan tidak akan dapat merasuk atau menjejaskan 'aql dan tubuh badannya.